

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	28 AUGUST 2016



DR. MAHATHIR
MOHAMAD



ZETI AKHTAR AZIZ



ABDUL GANI PATAIL



ABU KASSIM
MOHAMED



KHAIRUL AZWAN
HARUN

Tiga Tan Sri jangan membisu

WM - 28/8/2016

SIAPA bocor rahsia siapa tidak penting.

Tidak perlu menuding jari kepada sesiapa. Kalau benar terdapat konspirasi untuk menggulingkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak oleh tiga Tan Sri, mereka yang dikaitkan perlu menjawabnya.

Bukan sekali ketiga-tiga nama Tan Sri itu disebut, tetapi dua kali. Pertama oleh Naib Ketua Pemuda UMNO, Khairul Azwan Harun dan kali kedua oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Katakanlah pendedahan Khairul Azwan tempoh hari barangkali dipandang sepi, tetapi bagaimana pula apabila dibangkitkan sekali lagi oleh Dr. Mahathir.

Lebih memranjatkan lagi Dr. Mahathir memberi gambaran pula bahawa tiga Tan Sri terbabit telah dikhianati dalam dakwaan konspirasi untuk menjatuhkan Najib.

Kata bekas Perdana Menteri itu lagi, bukan tiga tetapi empat Tan Sri yang didakwa terbabit dalam konspirasi itu dengan seorang daripada mereka didakwa mengkhianati yang tiga lagi.

Pendedahan Dr. Mahathir bu-



kan suatu perkara yang harus diremehkan. Bahkan sebenarnya telah mengesahkan spekulasi meluas yang semua Tan Sri itu terbabit dalam dakwaan konspirasi berkenaan. Benarkah Sarawak Report semua ini?

Dalam merungkai penyelesaian isu ini, elok sangatlah ketiga-tiga Tan Sri terbabit membersihkan nama mereka, antaranya dengan membuat Akuan Bersumpah tidak terbabit dalam konspirasi itu.

Apa agaknya jawapan bekas Gabenor Bank Negara Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz; bekas Peguam Negara Tan Sri Abdul Gani Patail dan bekas Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tan Sri Dr. Abu Kassim Mohamed? Jawablah segera.

Dakwaan terhadap mereka sangat serius, melibatkan keselamatan negara dan cuba mengganggu-gugat sistem demokrasi.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO,

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob; Duta Besar Malaysia di Indonesia, Datuk Seri Zahrain Mohamed Hashim dan Presiden Parti Bersatu India Malaysia (MUIP), Datuk S. Nallakaruppan antara yang menuntut penjelasan tiga Tan Sri ini.

Jangan jadikan isu dakwaan konspirasi ini bercelaru dengan menyerahkan kepada satu sama lain untuk menjawabnya. Kelak, dikhuatiri mengelirukan para penjawat awam di negara ini.

Ini bukan dialog dalam adegan filem *Nujum Pak Belalang* terbitan 1959 ketika dua pelakonnya yang memakai nama watak Badan dan Nyawa sedang membahagikan barang rompak (duit syiling) dalam gua.

Badan: 1 untuk engkau, 1 untuk aku. 2 untuk engkau, 2 untuk aku. 3 untuk engkau, 3 untuk aku. Lepas tiga berapa??

Nyawa: Hentam sajalah...

Badan: Hentam sajalah untuk engkau, hentam sajalah untuk aku. Lepas hentam sajalah??

Nyawa: Bedal daa...

Badan: Bedal daa untuk engkau. Bedal daa untuk aku. Lepas bedal daa??...